

PERUTUSAN pengerusi

“ Para Pemegang Saham Sekalian,
Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan
sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan New
Hoong Fatt Holdings Berhad bagi tahun kewangan
berakhir 31 Disember 2003. ”

TINJAUAN INDUSTRI

Tahun 2003 terbukti mencabar bagi industri automotif. Jualan kenderaan bermotor susut sebanyak 6.9%, daripada 434,954 unit pada tahun 2002 kepada 405,010 unit pada tahun ini. Pengurangan tersebut telah disebabkan terutamanya oleh wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (“SARS”) serta penangguhan para pembeli membuat pembelian sebagai jangkaan penurunan harga selepas pelaksanaan AFTA. Mulai 1 Januari, 2004, walaupun selepas pengumuman struktur tarif baru dilakukan, namun Persatuan Automotif Malaysia kekal yakin terhadap industri ini dan menjangka jualan kenderaan bermotor pada tahun 2004 meningkat kepada 425,000 unit. Ini akan meningkatkan lagi ketersediaan pasaran penggantian automotif.

TINJAUAN KEWANGAN

Pada tahun yang ditinjau, Kumpulan berjaya menambah jumlah hasilnya sebanyak 12.4%, iaitu daripada RM113.6 juta kepada RM127.7 juta. Hasil yang tinggi ini telah disumbangkan terutamanya melalui pengembangan kepelbagaian produk Kumpulan menerusi pembangunan produk baru serta pertambahan permintaan untuk produk Kumpulan, dari dalam mahupun luar negeri. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 1.7%, iaitu daripada RM19.7 juta sebelumnya kepada RM20.0 juta

pada tahun kewangan ini, disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos.

Keuntungan selepas cukai meningkat sebanyak 5.1%, iaitu daripada RM15.0 juta sebelumnya kepada RM15.8 juta pada tahun ini. Kesannya, pendapatan sesaham meningkat daripada 20.9 sen sebelumnya kepada 21.9 sen pada tahun kewangan yang ditinjau. Aset ketara bersih sesaham pada 31 Disember 2003 meningkat kepada RM1.81 berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya.

DIVIDEN

Memandangkan prestasi kewangan yang dicapai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, para Pengarah mencadangkan pembayaran dividen pertama dan akhir dikecualikan cukai sebanyak 8% sesaham biasa untuk diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

TINJAUAN PERNIAGAAN

Pada tahun ini, berlatarkan persekitaran ekonomi yang mencabar, Kumpulan terus memfokus tumpuannya terhadap usaha mencapai kecekapan operasi serta beberapa langkah untuk membendung kos sambil mengekalkan komitmen kami untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Di arena eksport pula, New Hoong Fatt menumpukan usaha memasarkan produknya secara agresif ke pasaran global, terutamanya ke negara-negara di ASEAN, Timur Tengah, Afrika Selatan dan Amerika Selatan. Ini telah membantu menambah hasil eksport dengan ketara pada tahun kewangan yang ditinjau.



Plastic Injection Section



Robotic Arm for spray painting

PERUTUSAN Pengerusi (sambungan)

Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa Kumpulan telah melancarkan langkah merangka perancangan strategik secara menyeluruh, termasuk membangunkan rancangan korporat, strategik dan perniagaan, diikuti dengan pelaksanaan dan penggerakan rancangan strategik serta mengukur dan menilai keputusannya. Pengurusan strategik adalah satu proses berterusan yang berbentuk dinamik. Dengan proses ini, kami berharap ia akan menukar para pemimpin Kumpulan menjadi pemikir dan peneraju strategik yang akan bersama-sama berusaha ke arah mencapai wawasan dan misi bersama.

PROSPEK MASA DEPAN

Pada tahun akan datang, iaitu dalam era selepas AFTA, Kumpulan New Hoong Fatt akan terus memenuhi keperluan pasaran yang bersaing dengan meluaskan lagi jenis produk, sambil menerokai peluang melalui pemuafakatan bersinergi. Kumpulan akan terus memanfaatkan jenamanya yang sudah terkenal, kualiti produk yang diiktiraf, perkhidmatan yang cekap serta rangkaian yang sedia ada untuk mengukuhkan kedudukannya di pasaran tempatan serta meluaskan bahagian pasaran globalnya.

New Hoong Fatt komited untuk menjalankan usaha selanjutnya bagi mengurangkan kos dan mengambil bahagian dalam usaha mempertingkatkan kecekapan supaya terus mencapai keuntungan dalam persekitaran pasaran global yang mencabar.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Pada 25 Februari 2004, New Hoong Fatt mengumumkan cadangan untuk mengambilalih keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar Hoeken Industrial Sdn Bhd dengan bayaran tunai berjumlah RM56,573,000 dan NS Plastic Industries Sdn Bhd dengan bayaran tunai berjumlah RM3,712,000. Oleh kerana kedua-dua syarikat ini mengilang alat ganti automotif, cadangan pengambilalihan ini adalah selaras dengan objektif Kumpulan

untuk meluaskan liputan perniagaan terasnya bagi memastikan pertumbuhan berterusan Kumpulan.

Pengambilalihan ini merupakan urusan niaga pihak berkaitan yang tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luarbiasa yang akan diadakan. Butir-butir

UCAPAN PENGHARGAAN KHAS

Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada para pemegang saham dan pembekal yang menaruh kepercayaan kepada kami, kepada pihak-pihak berkuasa, pelanggan dan pembiaya kerana memberi sokongan dan bantuan serta kepada ahli-



Computerised and fully automated Plastic Chrome-Plating Line

mengenai cadangan pengambilalihan ini dan surat Makluman Bebas ditunjukkan dalam Pekeliling Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004.

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Saya berasa sukacita untuk mengumumkan bahawa New Hoong Fatt telah diberikan Anugerah SMI-Canon Achievers 2003. Anugerah ini menandakan satu pengiktirafan teguh terhadap kejayaan Kumpulan New Hoong Fatt yang bermula dari sebuah perniagaan kecil menjadi sebuah syarikat senarai awam dan selepas ini terus mencatatkan keputusan kewangan yang baik dari tahun ke tahun serta menampilkan daya tahan yang mantap walaupun berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi yang turun naik.

Pada tahun ini, bahagian perkilangan Kumpulan berjaya mempertingkatkan pengesahan ISO 9002 yang diperolehinya kepada piawaian terkini iaitu ISO 9001 (versi 2000).



Plastic parts undergoing Chrome Plating process

ahli Lembaga Pengarah kerana menyumbang kemahiran serta nasihat bijaksana kepada Kumpulan.

Pengurusan dan kakitangan New Hoong Fatt juga harus diberi pujian kerana telah bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh sepanjang tahun ini.

KAM LANG FATT @
KIM LENG FATT

Pengerusi dan Pengarah Urusan